

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**SOALAN :**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [ MUAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti dan Pendanaan Politik bagi memastikan krisis politik dan demokrasi negara tidak lagi berulang kerana kelemahan struktur politik negara yang tidak dikawal undang-undang.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

**Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan.
2. Pewujudan Undang-Undang ini juga merupakan antara intipati penting di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan telah ditandatangani pada 13 September 2021. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini. Undang-undang berkaitan anti-lompat parti ini dijadual akan dibentangkan dalam Parlimen selewat-lewatnya Julai 2022.
3. Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mengambil kira pandangan menyeluruh serta mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

4. Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti.

5. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Dapatan daripada kajian ini akan dibincangkan melalui sesi libat urus bi-partisan yang dijangka diadakan pada penghujung bulan November 2021. Satu kaji selidik awam juga sedang dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai cadangan gubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.

### **Rang Undang-Undang berkaitan Pendanaan Politik**

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 14 Bilangan 1 Tahun 2021 dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Mei 2021, Kerajaan komited untuk meneruskan inisiatif berkaitan perundangan pembiayaan dana politik. Kajian berhubung pewujudan rang undang-undang baharu tersebut pada masa ini sedang dilaksanakan dengan memberi fokus kepada aspek pengawalseliaan sumbangan politik berteraskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN (MUAR)**

**SOALAN**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN (MUAR)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk membentangkan status terkini rumah yang dibina pemaju swasta yang tidak berjaya terjual akibat harga rumah yang terlampau tinggi dan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan tindakan kepada pemaju yang gagal menjual rumah ini dalam satu tempoh tertentu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius isu rumah kediaman yang tidak terjual. Isu ini pernah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council; EAC*) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2020. Antara punca lambakan rumah tidak terjual ini berlaku adalah ekoran daripada penawaran perumahan yang tidak sepadan dengan permintaan di sesuatu lokaliti, harga rumah yang tidak sepadan dengan pendapatan isi rumah, lokasi yang kurang menarik dan lain-lain lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan laporan Status Pasaran Harta Tanah oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), bagi suku pertama tahun 2021 (Q1, 2021) terdapat 27,468 unit rumah siap dibina tidak terjual yang bernilai RM18.5 billion. Bagi suku kedua tahun 2021 (Q2, 2021), terdapat 31,112 unit rumah siap dibina tidak terjual yang bernilai RM20.1 bilion. Ini menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 13.27% dalam bilangan unit dan 8.71% dalam nilai bagi suku tahun kedua berbanding suku pertama tahun 2021.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan tindakan ke atas pemaju yang gagal menjual rumah dalam tempoh masa tertentu. Walau bagaimanapun, antara langkah utama yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan ketidaksepadanan penawaran dan permintaan (*supply and demand*) dalam industri perumahan adalah:

- i. Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign; HOC) telah banyak membantu pemaju untuk meningkatkan jualan perumahan dengan menawarkan pengecualian duti setem dan pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) juga memberi diskaun 10% kepada pembeli bagi rumah bernilai RM300,000 hingga RM2.5 juta. Sehingga 31 Ogos 2021,

terdapat 67,576 unit telah terjual dengan keseluruhan nilai RM52.32 bilion sebelum diskaun dan RM43.53 bilion selepas diskaun menjadikan jumlah penjimatan pembeli adalah berjumlah RM8.79 bilion. HOC diteruskan sehingga 31 Disember 2021 ini. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil daripada duti setem sekitar RM400 juta - RM500 juta. Namun dengan bantuan tersebut, Kerajaan dapat mengurangkan masalah lambakan rumah tidak terjual; dan

- ii. pembangunan sistem Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*; BDA) Perumahan bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor perumahan di Malaysia sebelum pembangunan sistem yang berkaitan. Kajian ini telah dimulakan pada bulan Februari 2021. Hasil kajian ini akan menentukan halatuju pembangunan sistem BDA dengan objektif seperti berikut:
  - a) membantu untuk mengetahui kedudukan pasaran perumahan hartanah yang lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien;
  - b) dijadikan input bagi pembangunan platform pusat pengumpulan data hartanah yang meliputi permintaan dan penawaran; dan
  - c) membantu pihak Kerajaan dalam membuat keputusan di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam penyediaan dasar dan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif.

Sekian, terima kasih.